

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2018

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak sedar bahawa "GST" membebankan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dan adakah rancangan untuk menghapuskan "GST" dengan menggantikan hasil "GST" kepada penjimatan serta pembendungan pembaziran wang akibat rasuah dan ketirisan seperti yang dilaporkan oleh "Auditor General" dari tahun ke tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan GST ke atas barang dan perkhidmatan yang sedia ada memandangkan pelaksanaannya telah hampir tempoh tiga

tahun dan pelaksanaannya telah berjalan dengan lancar. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira antara lain kedudukan semasa sosio ekonomi rakyat Malaysia demi memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minimum kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Hasrat dan objektif tersebut adalah jelas di mana pelbagai barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Ini termasuklah pelbagai makanan asas, perkhidmatan utiliti seperti air dan elektrik, ubat-ubatan, semua jenis bahan bacaan, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, sewaan dan pembelian rumah kediaman serta pengangkutan awam.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah dengan mengurangkan kadar cukai pendapatan selaras dengan pelaksanaan GST. Bantuan seperti BR1M dan lain-lain bantuan kepada pelbagai golongan seperti golongan petani, peladang dan nelayan juga dibuat penambahbaikan dan diteruskan.

Secara umumnya, pelaksanaan GST telah terbukti berjaya menyusun semula sistem cukai kepenggunaan di Malaysia supaya lebih telus dan cekap. Tambahan pula, pelaksanaannya adalah jelas telah dapat membantu dalam memantapkan kedudukan kutipan hasil negara terutamanya di dalam kedudukan harga minyak mentah di pasaran dunia yang tidak menentu.

Kerajaan sentiasa memastikan bahawa sistem percukaian negara

yang meliputi cukai langsung dan cukai tidak langsung termasuk GST ditadbir dengan cekap untuk membendung ketirisan hasil dan sekaligus meningkatkan pematuhan undang-undang percukaian.